



GARIS PANDUAN PENGUNAAN LOGO JUBLI PERAK (25 TAHUN) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Garis panduan bertujuan untuk menjelaskan dan sebagai panduan kepada JFPIU berkenaan penggunaan logo sambutan Jubli Perak (25 Tahun) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 KETERANGAN LOGO

2.1 Warna

Warna-warna yang terdapat di dalam logo ini adalah warna biru, kuning dan merah iaitu warna yang terdapat dalam logo Universiti Malaysia Sabah serta penambahan warna hijau. Penjelasan maksud warna adalah seperti berikut:


	Warna biru melambangkan suasana kehidupan harmoni serta ikatan persaudaraan dalam kalangan warga kampus.
	Warna kuning melambangkan suasana warga kampus UMS yang sentiasa ceria, segar dan aktif.
	Warna merah melambangkan keutuhan, kegigihan dan kecekalan.
	Warna hijau melambangkan ecocampus iaitu warga kampus yang mementingkan kelestarian alam semula jadi dan ikatan dalam kalangan warga kampus dengan persekitaran.

2.2 Nombor 25




Nombor 25 yang dilakarkan lebih panjang bagi melambangkan UMS sentiasa bergerak maju dan pantas seiring dengan visi, misi dan objektif Universiti Malaysia Sabah.

2.3 Garisan Biru



Garisan ini merupakan manifestasi lakaran Gunung Kinabalu yang dilihat dari Daerah Ranau melambangkan keteguhan UMS yang menjangkau 25 tahun penubuhannya.

2.4 Bunga Rafflesia



Bunga ini merupakan lambang keunikan Sabah, 'Negeri Di Bawah Bayu'.

3.0 REKAAN LOGO

- 3.1 Terdapat 3 rekaan Logo Jubli Perak (25 Tahun UMS) yang boleh digunakan mengikut kesesuaian (rujuk lampiran 1).
- 3.2 Logo tersebut boleh dimuat turun melalui capaian <http://www.ums.edu.my/ppskk/en/download/logo>.

4.0 PENGGUNAAN LOGO

- 4.1 Logo Jubli Perak UMS hendaklah digunakan dalam semua bahan bercetak dan digital mengikut kesesuaian.
- 4.2 Sususan penggunaan logo hendaklah sentiasa berada di sebelah kanan logo UMS (rujuk lampiran 2).

5.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA

- 5.1 Garis panduan ini hendaklah dipatuhi dan berkuatkuasa pada tarikh surat pemakluman dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sabah.

LAMPIRAN 1: REKAAN LOGO

1) Logo Berwarna



2) Logo Putih




3) Logo Hitam




LAMPIRAN 2: CONTOH SUSUNAN LOGO


Contoh 1




Contoh 2




Contoh 3




Contoh 4




Contoh 5




Contoh 6



Contoh 7



Contoh 8



Contoh 9

